

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
[BERA]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 16

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan melihat kepada situasi perpaduan amat rapuh akibat daripada sistem persekolahan di Malaysia, apakah Kementerian Pendidikan ingin mengkaji semula cadangan mewujudkan sekolah wawasan bagi merapatkan hubungan antara pelajar berlainan kaum sejak di awal persekolahan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, konsep sekolah wawasan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada asalnya adalah dua (2) atau tiga (3) buah sekolah berlainan aliran iaitu sekolah kebangsaan (SK), sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC), dan sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT) beroperasi di dalam satu kawasan yang sama tetapi di bangunan masing-masing dan pentadbiran secara tersendiri. Tujuan sekolah wawasan ditubuhkan adalah untuk mewujudkan semangat perpaduan, integrasi, dan interaksi antara murid pelbagai kaum dan latar belakang melalui perkongsian kemudahan atau prasarana sekolah.

Walau bagaimanapun terdapat beberapa isu yang timbul terhadap pelaksanaan sekolah wawasan seperti kebimbangan berlakunya kehilangan identiti sekolah vernakular iaitu SJKC dan SJKT serta penghapusan fungsi Lembaga Pengelola Sekolah. Perkara-perkara ini sebenarnya tidak berlaku kerana sehingga kini SJKC dan SJKT di sekolah wawasan sedia ada masih kekal dengan identiti masing-masing dan juga kerajaan juga tidak pernah berhasrat untuk menghapuskan mana-mana identiti sekolah jenis kebangsaan. Selain itu, fungsi LPS masih lagi dikekalkan selaras dengan peruntukan dalam Seksyen 62 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550].

Bagi memastikan nilai perpaduan dapat dikekalkan dalam kalangan guru dan murid, KPM telah melaksanakan pelbagai langkah seperti berikut:

- i. mengedarkan **Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Harian Bagi Perpaduan Di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia** ke semua sekolah di seluruh Negara bertujuan untuk memberi panduan kepada Pengetua dan Guru Besar (PGB) dalam pelaksanaan amalan harian bagi perpaduan di sekolah KPM.
- ii. pelaksanaan program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan atau RIMUP bagi memberi peluang kepada murid pelbagai kaum daripada berlainan jenis atau aliran sekolah untuk berinteraksi melalui aktiviti kokurikulum yang meliputi lima (5)

elemen iaitu Kesenian dan Kebudayaan, Sukan dan Permainan, Jati Diri dan Patriotisme, Akademik dan Khidmat Masyarakat di sekolah;

- iii. bekerjasama dengan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) dengan menubuhkan Kelab Rukun Negara di sekolah seluruh negara untuk melaksana pelbagai aktiviti berteraskan kepada pengukuhan pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan pengamalan Rukun Negara dalam kalangan murid melalui program My Rukun Negara, aktiviti Modul Silang Budaya, kem Kelab Rukun Negara, lawatan sambil belajar dan aktiviti khidmat masyarakat sama ada di peringkat daerah, negeri serta kebangsaan.

KPM sehingga kini tiada perancangan untuk menambah sekolah wawasan sedia ada sebaliknya akan memastikan usaha untuk memupuk semangat integrasi antara kaum serta pengukuhan perpaduan dalam kalangan murid dan guru dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh termasuk memperkasakan sekolah wawasan sedia ada agar matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara yang bersatu padu dan harmoni akan tercapai.

Sekian, terima kasih.